

Keperluan SOP Khusus untuk Tahanan dan Penyiasatan Individu Autisme

[Necessity of Standard Operation Procedure for Detention and Interrogation of Individual with Autism]

Zuliza Mohd Kusrin ^{1*}, Wafaa' Yusof,² & Zuraini Yaakub³

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600, Bangi, zuli@ukm.edu.my, (+06) 03-89213273.

² Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600, Bangi, wafaa@ukm.edu.my, (+06) 03-89215510.

³ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 43600, Bangi, zuraini_yaakub@yahoo.com.

* Corresponding Author: Zuliza Mohd Kusrin. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi Selangor, zuli@ukm.edu.my, (+06) 03-89213273.

Kata Kunci:

Autisme; Perilaku Seksual;
Kesalahan Jenayah;
Prosedur Tangkapan
Standard

ABSTRAK

Autisme adalah satu kumpulan dalam kecelaruan neurologi yang memberi kesan terhadap kemahiran berkomunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku yang berulang-ulang. Tingkah laku mereka menyebabkan mereka obsesi terhadap sesuatu minat, kurangnya empati dan moral reasoning. Kes lalu di negara Barat membuktikan mereka terlibat dengan jenayah serius seperti membunuh, membakar bangunan, melepaskan tembakan secara rambang kesalahan siber dan kesalahan seksual. Di Malaysia, berlaku peningkatan bilangan autisme pada tahun 2018 dengan anggaran 1 nisbah 68 individu normal menyebabkan adanya keperluan khusus untuk mengkaji hak undang-undang mereka jika individu autisme juga mungkin terlibat dalam aktiviti salah laku jenayah. Prosedur operasi standard (SOP) dalam tangkapan, penahanan dan soal siasat individu tipikal setakat ini digunapakai terhadap golongan autisme yang terlibat dalam jenayah. Penguatkuasaan dan pelaksanaan SOP ini akhirnya menimbulkan pelbagai masalah, reaksi dan persoalan dari sudut kesahihan tindakan dan hak golongan autisme yang terlibat. Objektif kajian adalah mengkaji perilaku autisme yang cenderung kepada perlakuan jenayah dan keperluan mewujudkan SOP khusus untuk tahanan, penangkapan dan soal siasat individu autisme. Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data adalah temu bual separa berstruktur bersama pihak polis dan senior kaunselor dan psikiatri dalam bidang autisme dan guru-guru pendidikan khas. Implikasi perbincangan mendapati perlu diwujudkan SOP tangkapan, penahanan dan soal siasat khusus untuk autisme bagi kegunaan pihak berkuasa seperti pegawai polis dan mahkamah untuk menjamin hak keadilan undang-undang jenayah individu autisme.

Keywords:

Autism; Sexual Behavior;
Criminal Offence; Standard
Operation Procedure

ABSTRACT

Autism is one group of neurological disorder that affects one's communication skills, social interaction and repetitive and stereotype behavior. Due to their behavior, they tend to have

obsessive interest, no empathy and moral reasoning. Previous cases in Western countries show that some of them are also involved with serious criminal offences such as killing, arson, random shooting, cybercrime and sexual offences. In Malaysia, increasing amount of autism with the ratio of 1 to 68 of normal or mentally sound individual resulted in the necessity to address specific legal rights of autism who may involve in criminal. Meanwhile, the standard operation procedure (SOP) used during detention and interrogation procedure of mentally sound individual is also applied towards any suspect including individual with autism. The enforcement of the SOP eventually lead to arises of various problems, reaction and question from the aspect of the validity of the action and legal rights of autism. The objective of the study is to analyze the character of autism that tends to criminal's behavior and the need to create specific SOP for detention and interrogation of individual with autism. The research framework is content analysis. The method of gathering data is semi-structure interview with police, senior counselor and psychiatrist in the field of autism as well as teachers of special education programmed. The implication of the discussion discovers the need to have specific SOP of detention and interrogation for individual with autism in order to guarantee criminal legal rights of individual with autism.

Received: January 12, 2020

Accepted: March 24, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pengenalan

Autisme merupakan individu yang mengalami kecelaruan neurologi yang memberi kesan terhadap kemahiran berkomunikasi dan interaksi sosial. Situasi ini menyebabkan individu Autisme mempunyai daya imaginasi, minat dan tingkah laku yang terhad, begitu obses dengan rutin harian, mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara secara bersangat serta mempunyai tahap simpati yang rendah terhadap individu lain. Menurut Lerner, et. al. (2012) kekurangan dalam sosial dan emosi yang dimiliki individu autisme yang berkefungsian tinggi mungkin ditonjolkan ketika terlibat dengan salah laku jenayah tanpa niat atau perlakuan keganasan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa tiga ciri-ciri kekurangan dalam kalangan individu autisme seperti *theory of mind*, pengendalian emosi dan juga *moral reasoning* menjadi faktor yang membawa mereka terlibat dalam jenayah. Kekurangan tersebut memberi impak negatif kerana kemungkinan menyebabkan adanya penglibatan mereka dalam jenayah sama ada sebagai mangsa atau pemangsa.

Bahkan, kes lalu membuktikan mereka terlibat dengan jenayah serius seperti membunuh, membakar bangunan, melepaskan tembakan secara rambang, kesalahan siber dan kesalahan seksual (Zuliza Kusrin, et. al, 2019). Walau bagaimanapun tiada undang-undang khusus untuk golongan autisme. Oleh itu pihak berkuasa perlu cakna dengan hak perundangan mereka yang kebanyakan tidak menyedari perbuatan tersebut adalah salah dan termasuk dalam kesalahan jenayah. Autisme bukannya kurang siuman, tetapi perilaku tersendiri mereka kesan daripada kecelaruan neurologi menyebabkan hak perundangan mereka perlu dibezakan. Ini kerana sekiranya laporan dibuat, pihak polis akan bertindak berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) menangkap, menahan dan menyoal siasat mereka sama seperti individu normal, kerana tidak ada lagi SOP khusus untuk individu autisme. Artikel ini menfokuskan kepada pengenalan ringkas individu autisme, perilaku tersendiri yang menyebabkan mereka cenderung melanggar undang-undang. Perbincangan juga menyentuh tentang SOP tangkapan individu yang disyaki melakukan kesalahan serta keperluan mewujudkan SOP tangkapan, penahanan dan siasatan khusus untuk individu autisme.

2. Autisme Dan Kecenderungan Melakukan Pelanggaran Undang-Undang

Berdasarkan *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder Fifth Edition (DSM 5)*, kecelaruan spektrum autisme termasuk dalam kumpulan kecelaruan perkembangan neurologi yang mana keadaan ini berlaku ketika

perkembangan awal anak. Kekurangan ini dapat dimanifestasi sejak awal perkembangan anak-anak sebelum masuk sekolah melalui ciri-ciri kemerosotan dalam perkembangan seperti personaliti, sosial, akademik atau fungsi gerak kerja. DSM-5 menyatukan kecelaruan autistik, kecelaruan Asperger dan *Pervasive Developmental Disorder* sebagai satu iaitu kecelaruan spektrum autisme. Dua kriteria khusus dalam kecelaruan spektrum autisme ialah kekurangan interaksi dalam sosial komunikasi dan tingkah laku yang terhad, pengulangan dalam minat dan aktiviti. Terdapat tiga tingkat dalam memanifestasikan tahap keparahan individu kecelaruan spektrum autisme. Level 1 boleh dikategorikan sebagai rendah (*mild*) kerana mereka hanya memerlukan bantuan dan sokongan. Seterusnya, level 2 boleh dikategorikan sebagai sederhana (*moderate*) dan memerlukan sokongan dan bantuan yang banyak. Sedangkan, pada peringkat level 3 (*severe*) ini mereka memerlukan bantuan dan sokongan yang sangat banyak berbanding level 2 (APA, 2013). Selain itu, terdapat dua kategori dalam autisme iaitu autisme berkefungsian rendah dan autisme berkefungsian tinggi.

Ciri-ciri tersendiri individu autisme yang membezakan mereka dengan individu normal lain antaranya ialah mereka sukar menyesuaikan diri dalam persekitaran dan tempat baru, tidak boleh mengalami tekanan fikiran dan perasaan yang berlebihan, tidak mampu memahami perasaan orang lain, dan sikap ingin tahu yang sangat mendalam terhadap sesuatu perkara. Hal-hal berkenaan merupakan rentetan daripada kesukaran mereka dalam menjalani interaksi sosial, kesukaran dalam mengawal tingkah laku, dan kurang sensitiviti terhadap perkara yang berlaku di sekitar mereka. Mereka juga sangat fokus kepada diri sendiri dan tidak mempedulikan apa yang berlaku di persekitaran mereka (Fariza Md Sham, et. al., 2017).

Menurut Rudy (2019) kebarangkalian untuk individu autisme memiliki tahap simpati dan empati yang rendah adalah benar. Mereka kadangkala tertawa apabila melihat orang lain cedera atau tidak menunjukkan sebarang tindak balas emosi terhadap kegembiraan dan kesedihan orang lain. Ini kerana mereka mempunyai masalah dalam mempamerkan emosi atau menunjukkan ekspresi yang sesuai dengan keadaan. Sebagaimana yang dijelaskan APA (2013) kekurangan dalam interaksi sosial komunikasi menyebabkan mereka mempamerkan tingkah laku yang tidak sesuai dengan umur mereka. Akibat daripada kesukaran mereka untuk memproses dan merespon kepada tindak balas emosi sosial menyebabkan mereka sukar untuk berinteraksi dengan orang lain. Bahkan, mereka mungkin agresif mahupun mengganggu apabila melakukan cubaan untuk mendekati seseorang. Kekurangan mereka ini termasuk kekurangan dalam pengendalian dan penyelenggaraan suatu hubungan. Hal ini menjadi punca utama mereka dilihat kurang memiliki perasaan simpati dan empati.

Kekurangan dalam interaksi sosial komunikasi ini datang bersama dengan tingkah laku yang terhad, stereotaip dan berulang terhadap sesuatu aktiviti atau minat. Corak tingkah laku yang terhad dan sangat mengikut rutin menunjukkan keengganan mereka untuk berubah dan sukar untuk mengadaptasi perkara baru atau perubahan (APA, 2013).

Sehubungan dengan itu, intervensi awal seharusnya dilakukan kerana ia mempunyai keperluan khusus bagi individu autisme supaya mereka mampu berfungsi secara maksima untuk berdikari dan mendapatkan kualiti hidup serta dapat mengurangkan tekanan terhadap keluarga mereka. Ini adalah kerana secara umumnya autisme tidak mampu diubahi tapi kekurangan mereka dapat diminimakan (Myers, Plauche, Disabilities, & Care, 2007). Jika mereka tidak mendapat intervensi yang sesuai, mereka mungkin akan semakin merosot atau pun kekal sedemikian. Lebih rumit lagi jika ibu bapa kurang mengambil berat berkenaan perkara ini.

Hellemans et al. (2007) menyatakan 1/3 daripada individu autisme berpotensi untuk terjebak melanggar undang-undang, sama ada sebagai pelaku ataupun mangsa, berpunca daripada simptom kurang kemahiran bersosial. Contohnya merujuk kepada jenayah seksual, simptom tersebut turut memudahkan eksploitasi terhadap mereka dalam aktiviti jenayah seksual apabila tidak dapat memahami implikasi tingkahlaku kerana kenafian mereka tentang pengetahuan seksual (Allen, et. al., 2008; Wedmore, et. al., 2011; Zuraini Yaakub & Zuliza Kusrin, 2015). Menurut Fitzpatrick, et. al. (2016) sikap agresif dalam diri individu dengan autisme adalah lebih tinggi berbanding individu tipikal atau individu dengan sindrom kecelaruan yang lain. Sikap negatif ini memberi kesan negatif kepada kualiti pendidikan mereka. Selain itu, ia juga menyumbang kepada peningkatan tahap tekanan ibu bapa atau penjaga dalam kehidupan seharian dan juga masalah kewangan. Ia hadir kesan daripada peningkatan tekanan fikiran individu autisme yang boleh disebabkan oleh faktor yang pelbagai seperti perubahan persekitaran atau apabila ditempatkan di kawasan atau sekolah yang mempunyai peraturan yang ketat. Sikap agresif ini juga boleh menyebabkan individu dengan autisme melakukan tindakan di luar jangkaan seperti membakar sekolah dan perlakuan jenayah yang lain (Otero-López, Castro, Villardefrancos, & Santiago, 2009).

Kajian oleh Mariam Abd. Majid, et. al. (2019) mendapati bahawa antara faktor penglibatan remaja tipikal dalam salah laku seksual ialah kerana percintaan dan kerelaan sendiri, mangsa rogol, menonton video dan filem porno, kelemahan institusi keluarga, konflik dalam keluarga, kejahilan dan pengabaian amalan beragama, pengaruh rakan sebaya, pengambilan pil khayal dan penglibatan dalam perlumbaan haram. Walau

bagaimanapun, untuk individu autisme, faktor mereka melakukan perbuatan melanggar undang-undang, seperti yang berkaitan dengan perilaku seksual, adalah kerana perilaku tersendiri mereka yang sukar untuk dikawal, kerana masalah kognitif dan ketidakupayaan intelek. Berryessa (2016) menyatakan bahawa kebanyakan individu autisme berkefungsian tinggi yang terlibat melakukan jenayah, berbuat demikian kerana kesan daripada sebahagian simptom tingkah laku yang stereotaip dan terhad. Sebagai contoh, sikap mereka yang obsesi kepada sesuatu minat menyebabkan mereka mempamerkan perlakuan jenayah semata-mata untuk mengejar minat mereka. Walaupun perlakuan jenayah yang dipamerkan mungkin disebabkan tingkah laku mereka yang obsesi terhadap sesuatu tetapi individu autisme juga mungkin menghadapi kegagalan untuk memahami akibat daripada perbuatan mereka. Tidak dinafikan bahawa terdapat sebahagian jenayah yang dilakukan oleh individu autisme kelihatan amat berbahaya dan menggerunkan tetapi persoalannya ialah adakah mereka akan dilayan seperti individu tipikal sedangkan mereka sebenarnya mungkin tidak memahami sepenuhnya perlakuan tersebut adalah suatu kesalahan jenayah serius (Berryessa, 2016).

Di Barat, autisme telah diterima sebagai dalihan untuk mengurangkan hukuman terhadap pelanggaran undang-undang oleh individu autisme. Contohnya McKinnon yang merupakan seorang individu autisme dengan Sindrom Asperger menggunakan alasan gangguan sindrom tersebut ketika proses pembelaan di mahkamah bagi mengurangkan hukuman terhadap dirinya. Beliau mendakwa rasa ingin tahu yang sangat tinggi dalam dirinya terhadap maklumat tersebut menyebabkan beliau bertindak melakukan jenayah tersebut. Beliau telah menggodam komputer dan maklumat sulit ketenteraan Amerika Syarikat dan National Aeronautics and Space Administration (NASA). Perkara tersebut turut diakui oleh (Freckelton, 2011) menyatakan bahawa tahap rasa ingin tahu yang tinggi dalam diri sesetengah individu dengan Sindrom Asperger boleh mendorong mereka melakukan kesalahan jenayah. Sebagai contoh, kes seorang Asperger yang melakukan salah laku seksual terhadap anak perempuannya seperti seks oral, digital, liwat. Bahkan, ia juga menggalakkan onani dan menyuruh anjing peliharaan keluarga menjilat vagina anaknya. Beliau mengakui aktiviti seksual tersebut hanya dilakukan sebagai ujikaji (*experiment*) dan kepuasan diri. Malahan, beliau menganggap perlakuan tersebut sebagai sesuatu permainan dan tidak memberi kesan kepada anaknya (Freckelton, 2011, 2018).

Seperti mana individu normal, individu autisme turut mengalami perubahan semula jadi dalam diri mereka. Mereka turut mengalami perubahan fizikal seiring dengan usia yang menginjak dewasa. Selain itu, mereka turut mengalami rangsangan syahwat seperti individu normal yang boleh mendorong sebahagian daripada mereka kepada perilaku dan kesalahan seksual. Namun demikian, disebabkan oleh kurang kemahiran sosio seksual, sebahagian besar daripada golongan ini gagal mengawal kehendak seksual tersebut menyebabkan mereka melepaskannya dengan cara yang tidak betul. Beberapa kajian telah menemukan bahawa terdapat beberapa jenis kesalahan jenayah seksual yang sering dilakukan oleh individu autisme seperti melakukan masturbasi di tempat awam, hubungan homoseksual, oral seks berkumpulan, pencabulan terhadap individu lain dan sebagainya (Bejerot & Eriksson, 2014; Dewinter, et. al., 2017; Gilmour, et. al., 2012; Zurani Yaakob & Zuliza Mohd Kusrin, 2019).

Di Malaysia, kesalahan jenayah seksual individu autisme Muslim tertakluk kepada undang-undang jenayah sivil dan juga undang-undang jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan dan negeri-negeri. Analisis terhadap perilaku seksual remaja autisme mendapati, sebahagian besar daripada perilaku seksual tersebut telah dikanunkan sebagai kesalahan jenayah seksual syariah dalam akta dan enakmen-enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Contoh perlakuan-perlakuan seksual mereka yang telah dikodifikasikan sebagai kesalahan jenayah syariah adalah perbuatan melakukan persetubuhan haram seperti perbuatan sumbang mahram, pelacuran dan persetubuhan luar nikah (Zuraini Yaakob & Zuliza Mohd Kusrin, 2019). Perbuatan yang menjurus kepada perilaku seksual juga adalah mengintai atau menyentuh bahagian sulit orang lain, mencuri pakaian dalam dan kemudian melakukan masturbasi, meniru perbuatan persetubuhan dan membuat aksi ciuman. Seterusnya perilaku seksual lain adalah kecenderungan perlakuan homoseksual dan lesbian yang boleh membawa kepada jenayah liwat dan musahaqah. Perlakuan lain adalah tindakan perbuatan lucah dan tidak sopan di tempat awam seperti masturbasi di hadapan awam, oral seks dan menunjuk bahagian sulit kepada orang lain.

Kajian oleh Zuraini Yaakob & Zuliza Kusrin (2015) menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan remaja autisme melakukan persetubuhan haram tanpa memahami bahawa perlakuan seksual tersebut adalah suatu kesalahan jenayah seksual Syariah melainkan semata-mata manipulasi terhadap kenafian remaja autisme tentang hal berkenaan. Malah menurut Brown, et. al., (2014) individu remaja autisme kurang mampu untuk menentukan aktiviti seksual berbanding dengan individu bermasalah pembelajaran lain yang turut mengalami kelewatan perkembangan kognitif. Justeru itu risiko penganiayaan seksual terhadap remaja autisme adalah lebih tinggi. Selain itu kegagalan remaja autisme memahami hubungan sosial turut memudahkan individu ini dieksploitasi dalam kegiatan jenayah seksual (Allen, et. al., 2008).

Pada bulan September 2018, satu video berdurasi beberapa minit telah direkodkan secara rahsia oleh seorang lelaki di dalam tren MRT di Singapura dan menjadi viral setelah dimuat naik di laman facebook. Video tersebut memaparkan seorang lelaki berusia 20-an sedang melakukan masturbasi di dalam tren tersebut sambil memerhatikan seorang wanita yang berpakaian agak seksi. Lelaki tersebut kelihatan melakukan masturbasi dan menyentuh alat sulitnya tanpa rasa malu atau bersalah meskipun ketika itu beliau berada di tempat umum. Namun begitu, melihatkan perkara ini menjadi topik perbualan umum secara meluas sehingga menjejaskan aib keluarga dan perasaan ibu remaja lelaki tersebut, seorang ahli keluarga lelaki tersebut tampil menyatakan kepada umum bahawa lelaki tersebut adalah seorang autisme dan tidak memahami perbuatan yang sedang dilakukannya (News Strait Time, 2018). Kajian lalu menyatakan bahawa perlakuan melucutkan pakaian dan menunjukkan bahagian sulit pada tubuh mereka dilakukan bukan dengan niat seksual, tetapi ia dilakukan atas faktor kegagalan memahami dan menyedari hakikat perbuatan yang mereka lakukan (Mladenovska & Trajkovski, 2010).

3. Prosedur Tangkapan Suspek

Tangkapan dan penahanan individu tipikal yang disyaki melakukan kesalahan jenayah hendaklah berlandaskan peruntukan dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan juga beberapa peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah Malaysia dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri. Suspek yang ditangkap hendaklah diberitahu alasan penangkapan dan juga berhak mendapat khidmat seorang peguam. Pegawai polis yang menjalankan tangkapan mestilah tanpa kelengahan masa yang perlu membawa suspek ke Balai Polis yang berdekatan. Penahanan suspek kebiasaannya menyusul untuk tujuan soal siasat dan penahanan ini tidak boleh melebihi 24 jam dari tempoh tangkapan berlaku. Pihak polis hendaklah melepaskan suspek dengan segera setelah berpuas hati dengan soal siasat yang dilakukan (Noor Suriatie Zuhairon, temubual, 6 Mei, 2019). Namun, jika soal siasat gagal diselesaikan dalam tempoh berkenaan, suspek perlu dibawa ke hadapan seorang Majistret untuk mendapatkan perintah penahanan reman sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah Malaysia. Peruntukan ini hendaklah dibaca bersama seksyen 119 berkaitan diari siasatan polis yang memperincikan proses soal siasat yang berlaku. Majistret boleh menolak permohonan untuk suatu perintah penahanan reman jika pihak polis gagal untuk menjustifikasikan alasan permohonan tersebut berserta diari siasatan yang lengkap.

Pihak polis hendaklah menggunakan langkah-langkah yang perlu dan munasabah semasa proses tangkapan, penahanan dan siasatan. Mereka tidak dibenarkan menggunakan kekerasan dalam tangkapan, penahanan dan soal siasat seperti memukul atau bertindak ganas terhadap suspek. Malah pihak polis juga tidak dibenarkan mempengaruhi suspek untuk memberi apa-apa pernyataan samada pengaruh yang positif mahupun negatif terutama ketika soal siasat dijalankan. Suspek berhak memilih untuk berdiam diri dan pihak polis tidak dibenarkan memaksa suspek untuk memberi pernyataan. Kebolehterimaan pernyataan suspek boleh diragui atau ditolak jika terbukti wujud unsur ugutan, paksaan atau pengaruh yang lain semasa dalam soal siasat.

Walau bagaimanapun, prosedur tangkapan, penahanan dan soal siasat yang agak berbeza dikuatkuasakan dan dilaksanakan jika suspek merupakan individu berusia 18 tahun ke bawah. Mereka dikategorikan sebagai suspek kanak-kanak. Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dilibatkan secara aktif dalam kes suspek kanak-kanak. Perkara ini jelas diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Sedemikian juga peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat ditekankan dalam Akta tersebut. Pegawai Kebajikan Masyarakat dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak akan segera dihubungi sebaik sahaja berlaku penangkapan yang melibatkan suspek kanak-kanak. Berbeza dengan suspek dewasa yang boleh memilih untuk tidak memberitahu ibu bapa sekiranya enggan berbuat demikian.

Persoalannya bagaimanakah pelaksanaan SOP tangkapan, penahanan dan soal siasat tersebut dilaksanakan jika suspek merupakan seorang individu autisme? Adakah individu autisme yang obses dengan perkara rutin, sukar menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru, sukar mengawal tekanan yang mendatang membolehkan mereka memahami dan bekerjasama dengan pihak polis dengan SOP yang dikuatkuasakan dan dilaksanakan tersebut? Adakah adil untuk melaksanakan prosedur tangkapan, penahanan dan soal siasat yang sedia ada terhadap individu autisme?

4. Autisme dan SOP Tangkapan

Berdasarkan isu golongan autisme yang bukan dalam kategori kurang siuman, berserta ciri-ciri tersendiri mereka yang menyebabkan kecenderungan terlibat dengan kesalahan undang-undang menunjukkan terdapat kepentingan untuk mewujudkan satu undang-undang khas atau pengecualian undang-undang terhadap individu

autisme. Lebih-lebih lagi individu autisme yang mempunyai komorbiditi lain selain autisme seperti *Attention Deficit/Hyperactivity Disorder* (ADHD) dan kekurangan upaya intelektual. Hal ini kerana menurut kajian Heeramun, et. al. (2017) komorbiditi ini yang menyebabkan jenayah ganas dalam kalangan individu autisme. Manakala Berryessa (2016) pula menyatakan bahawa kebanyakan individu autisme berkefungsian tinggi terlibat melakukan jenayah kesan daripada sebahagian simptom yang dialami. Tidak dinafikan bahawa terdapat sebahagian jenayah yang dilakukan oleh golongan autisme kelihatan amat berbahaya dan menggerunkan tetapi persoalannya ialah adakah mereka akan dilayan seperti individu tipikal sedangkan mereka sebenarnya mungkin tidak memahami sepenuhnya perlakuan tersebut adalah suatu kesalahan jenayah serius (Berryessa, 2016).

Di negara Barat isu autisme dan hak keadilan dalam undang-undang jenayah juga dikaji kerana terdapat kes-kes melibatkan tangkapan, penahanan reman, perbicaraan serta hukuman yang dikenakan terhadap individu autisme jika mereka dibuktikan bersalah melakukan perbuatan jenayah. Contohnya dalam kes di Amerika Syarikat, Persatuan Autisme Indiana telah menyenaraikan beberapa kes pembunuhan dan cubaan membunuh yang dilakukan oleh individu autisme. Antaranya ialah kes yang melibatkan pesalah yang bernama Noah McGlawn, 24 tahun. Dalam kejadian yang berlaku pada 10 September 2012 itu, McGlawn telah melepaskan dua das tembakan kepada seorang penunggang motosikal, Brandon Matlock. Nasib menyebelahi Matlock apabila tembakan tersebut hanya mengenai lengan dan bahagian belakang badannya dan tidak membawa kematian. McGlawn ketika perbicaraan disahkan mengalami autisme. Dalam mengeluarkan keputusan kes, hakim mahkamah menyatakan bahawa McGlawn tidak mengetahui perbuatan tersebut boleh membawa kematian terhadap orang lain (Cole, 2017). Kes selain itu, ialah seorang kanak-kanak lelaki telah ditahan apabila menembak seorang pembantu stesen minyak wanita berusia 21 tahun di Arkansas, Amerika Syarikat. Wanita tersebut disahkan mati di tempat kejadian. Kanak-kanak tersebut telah ditahan di pusat tahanan juvana sementara menunggu siasatan dan pendakwaan dijalankan. Namun demikian, sumber menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki tersebut mengalami autisme (Associated Press & Collman, 2017). Contoh kes tersebut menunjukkan bahawa kegagalan pihak polis mengenalpasti lebih awal bahawa individu tersebut individu autisme, sehinggalah beliau dibicarakan menyebabkan individu autisme tersebut telah ditahan menggunakan SOP biasa. Keadaan sedemikian menyebabkan ketidakadilan kepada individu autisme.

Kesalahan perilaku seksual juga seringkali melibatkan remaja dengan autisme. Beberapa kajian telah menemukan bahawa terdapat beberapa jenis kesalahan jenayah seksual yang sering dilakukan oleh individu yang mengalami autisme termasuk berkelakuan lucah seperti masturbasi di khalayak ramai, persetubuhan haram, mengintai, mencabul individu lain dan melakukan oral seks secara berkumpulan.

Berdasarkan kes-kes autisme dan jenayah menunjukkan perlunya diwujudkan SOP khusus untuk individu autisme semasa proses tangkapan, penahanan serta perbicaraan mahkamah. Ini kerana individu autisme mempunyai perilaku tersendiri yang membezakan mereka dengan individu normal lain. Antaranya ialah mereka sukar menyesuaikan diri dalam persekitaran dan tempat baru, tidak boleh mengalami tekanan fikiran dan perasaan yang berlebihan, tidak mampu memahami perasaan orang lain, dan sikap ingin tahu yang sangat mendalam terhadap sesuatu perkara. Hal-hal berikut merupakan rentetan daripada kesukaran mereka dalam menjalani interaksi sosial, kesukaran dalam mengawal tingkah laku, dan kurang sensitiviti terhadap perkara yang berlaku di sekitar mereka. Mereka juga sangat fokus kepada diri sendiri dan tidak mepedulikan apa yang berlaku di persekitaran mereka (Fariza Md Sham, et. al., 2017). Kebanyakan ibu bapa juga memandang berat perkara ini dan merasa bimbang sekiranya terdapat individu lain yang mengambil kesempatan terhadap anak mereka selain kebimbangan terhadap potensi anak mereka untuk melakukan kesalahan-kesalahan jenayah seksual terhadap individu lain (Nichols & Blakeley-Smith, 2009).

Di Malaysia isu keperluan mencadangkan SOP tangkapan dan pengendalian penahanan dan tangkapan individu autisme dilihat lebih serius dengan berlaku kes tangkapan terhadap seorang remaja autisme berusia 20-an yang didakwa meraba dada seorang wanita di sebuah restoran di Subang Jaya. Rentetan daripada laporan mangsa, pihak polis telah bertindak dengan melakukan penahanan terhadap individu tersebut. Setelah menerima laporan daripada mangsa yang dikatakan mengalami trauma (Nor Azizah Mokhtar, 2018). Kes penahanan individu autisme tersebut telah mendapat pelbagai reaksi daripada masyarakat awam yang mempertikaikan alasan pemuda tersebut ditangkap walaupun beliau adalah individu autisme. Contohnya, netizen juga telah mengecam keluarga pihak mangsa kerana tidak prihatin dengan keadaan tertuduh sebagai individu autisme dan terus membuat laporan polis berkenaan tindakan pemangsa yang menyentuh buah dada mangsa (Azura Abas & Mohd Husni, 2018).

Walau bagaimanapun, di peringkat pihak polis, mereka menegaskan tangkapan tersebut dilakukan mengikut prosedur biasa polis bagi tujuan siasatan serta keadilan kepada kedua-dua pihak. Hal ini ditegaskan oleh Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari, bahawa meskipun tertuduh didakwa seorang autisme, tindakan pihak polis dalam melakukan penahanan tersebut adalah bagi membantu

siasatan dan mengikut prosedur operasi standard (SOP). Pihak polis juga didapati tidak melanggar mana-mana undang-undang (Nor Azizah Mokhtar, 2018).

Dalam konteks perundangan, pihak berkaitan seharusnya menggunakan garis panduan yang jelas untuk mengendalikan kes berkaitan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk juga individu autisme. Pihak polis sememangnya telah bertindak mengikut SOP berdasarkan aduan yang mereka peroleh, namun masih ada ruang budi bicara dan rasa kemanusiaan dalam kendalian kes, memandangkan pesalah diletakkan dalam kategori golongan kelainan upaya, tetapi individu autisme. Seterusnya perlu dilihat semula tentang cara penangkapan, penahanan dan soal siasat semasa dalam lokap kerana dikhuatiri mungkin menyebabkan mereka menjadi lebih trauma (Airunnisa, 2018). Hal ini juga dipersetujui oleh ibu kepada suspek yang tidak berpuas hati dengan SOP tangkapan yang dilaksanakan terhadap anaknya dan berharap polis mempunyai SOP yang khusus untuk kes tangkapan, tahanan dan soal siasat melibatkan individu autisme (OKU) (Hasliza, 2018).

Isu tangkapan individu autisme ini juga mendapat perhatian serius daripada Hannah Yeoh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat di mana kementeriannya akan mengambil perhatian tentang SOP khusus tangkapan, penahanan dan soal siasat sedemikian di masa hadapan (Hasliza 2018). Oleh itu, polis digesa mengkaji semula SOP sedia ada berkaitan tangkapan, penahanan dan soal siasat mana-mana suspek kes jenayah individu autisme yang dilihat tidak wajar kerana tidak sepadan dengan tahap kewarasan golongan tersebut Zaaini Zin (2018). Seterusnya ACP Lily Choo (temubual, 2019), Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, mengesahkan bahawa masih belum ada sebarang SOP khusus bagi mengendalikan kes yang berkaitan individu autisme sama ada ketika proses penahanan, siasatan dan pendakwaan. Menurut beliau, proses bagi mewujudkan SOP ini perlu mengambil kira beberapa aspek penting dan memerlukan penelitian yang agak mendalam. Antara aspek yang dinyatakan ialah persamaan antara kesalahan jenayah yang dilakukan oleh individu kurang siaman dan individu autisme dari sudut pengetahuan terhadap tingkah laku yang dilakukan. Selain itu, beliau turut menyatakan tentang kesukaran pihak polis mengenalpasti individu autisme kerana keadaan sindrom autisme yang terlalu subjektif, pelbagai dan berbeza mengikut individu. Oleh itu, beliau menyokong usaha dalam mewujudkan SOP khusus bagi individu autisme dengan mengambil kira kesalahan jenayah yang telah berlaku di luar negara.

Rentetan daripada kes tangkapan remaja autisme yang berlaku tersebut, serta reaksi positif yang diberikan oleh pihak-pihak berautoriti, pada 25hb. Mac 2019 pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melancarkan suatu SOP khusus untuk mengendalikan kes tahanan membabitkan individu autisme. Garis panduan ini juga boleh digunapakai semasa mengendalikan siasatan terhadap golongan-golongan orang kurang upaya lain seperti 'down syndrom', 'cerebral palsy' dan lain-lain yang seumpamanya. Malaysia merupakan negara ketiga di Asia yang menyediakan garis panduan dalam pengendalian penyiasatan kes-kes melibatkan OKU sedemikian (PDRM 2019). Antara pihak yang terlibat dalam penyediaan SOP khas tersebut adalah Pusat Genius Kurnia, Yayasan Pengaman Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pendidikan dan Persatuan Autisme Malaysia (NASOM). Memandangkan SOP tersebut adalah suatu yang baharu, pihak PDRM juga telah mengambil inisiatif membuat roadshow bertujuan memberi penerangan kepada anggota polis di seluruh Malaysia berkenaan SOP Autisme yang baharu dilancarkan tersebut (PDRM, 2019).

5. Kesimpulan

Individu autisme perlu ditentukan hak perundangan khusus kerana kepelbagaian spektrum yang dialami menyebabkan sebahagian mereka kelihatan seperti individu normal. Kes-kes lalu jelas menunjukkan simptom dan perilaku tersendiri autisme yang mendorong mereka melanggar undang-undang seperti kurang kemahiran berkomunikasi, obses dengan rutin harian, mempunyai keinginan mendalam terhadap sesuatu perkara serta mempunyai tahap simpati yang rendah terhadap individu lain. Antara perbuatan melanggar undang-undang yang melibatkan individu autisme ialah seperti membakar bangunan, melepaskan tembakan, melakukan perilaku seksual terhadap individu lain dan mempamerkan perbuatan lucu di tempat awam. Oleh itu, mana-mana aduan yang dilaporkan terhadap perlakuan tersebut menyebabkan individu autisme tetap menerima tindakan undang-undang seperti individu tipikal. Hasil perbincangan mendapati hak keadilan undang-undang individu autisme perlu dibezakan dengan golongan tipikal bermula dengan mewujudkan SOP khusus tangkapan, penahanan dan soal siasat untuk individu autisme. Rentetan beberapa isu berbangkit berkaitan individu autisme dan perilaku melanggar undang-undang, akhirnya pihak PDRM dengan kerjasama pihak-pihak berkaitan telah berjaya menghasilkan suatu SOP khusus untuk autisme.

6. Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Kumpulan Penyelidikan “Pembinaan Garis Panduan Literasi Undang-undang Kesalahan Jenayah Seksual Autisme” (GGP 2017-009).

Rujukan

- Airunnisa. (2018). Autisme didakwa: Adil atau selayaknya? Retrieved September 20, 2018, from Utusan Online website: <http://www.utusan.com.my/mega/rona/autisme-didakwa-%0Aadil-atau-selayaknya-1.751171>
- Allen, D., Evans, C., Hider, A., Hawkins, S., Peckett, H., & Morgan, H. (2008). Offending behaviour in adults with Asperger syndrome. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 38(4), 748–758. <https://doi.org/10.1007/s10803-007-0442-9>
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder Fifth Edition (DSM-V)*. Washington DC: American Psychiatric Association (APA).
- Associated Press, & Collman, A. (2017). Twelve-year-old autistic boy is arrested for murder after shooting dead 21-year-old female gas station clerk during 2am armed robbery. Retrieved February 3, 2017, from Mail Online website: <https://www.dailymail.co.uk/news/article-4188240/Police-arrest-boy-12-fatal-shooting-Arkansas-clerk.html>
- Azura Abas, & Mohd Husni. (2018). Autisme Perlu Difahami. Retrieved September 18, 2019, from Berita Harian Online website: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/475212/autisme-perlu-difahami-%0Atpm>
- Bejerot, S., & Eriksson, J. M. (2014). Sexuality and Gender role in Autism Spectrum Disorder: A Case Control Study. *PLoS ONE*, 9(1), 1–9. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0087961>
- Berryessa, C. M. (2016). Brief Report: Judicial Attitudes Regarding the Sentencing of Offenders with High Functioning Autism. *Journal of Autism Development Disorder*, 25(3), 289–313. <https://doi.org/110.1016/j.bbi.2017.04.008>
- Brown-Lavoie, S. M., Vecili, M. A., & Weiss, J. A. (2014). Sexual Knowledge and Victimization in Adults with Autism Spectrum Disorders. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 44(9), 2185–2196. <https://doi.org/10.1007/s10803-014-2093-y>
- Cole, J. (2017). McGlawn Guilty of First-Degree Assault. Retrieved February 13, 2017, from The News Courier website: https://www.enewscourier.com/news/local_news/mcglawn-guilty-of-first-degree-assault/article_225bbd8a-f20f-11e6-bb6e-fff923afa336.html
- Dewinter, J., Parys, H. Van, Vermeiren, R., & van Nieuwenhuizen, C. (2017). Adolescent boys with an autism spectrum disorder and their experience of sexuality: An interpretative phenomenological analysis. *Autism*, 21(1), 75–82. <https://doi.org/10.1177/1362361315627134>
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit, & Siti Norlina Muhammad. (2017). Panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 169–182.
- Fitzpatrick, S. E., Srivorakiat, L., Wink, L. K., Pedapati, E. V., & Erickson, C. A. (2016). Aggression in autism spectrum disorder: Presentation and treatment options. *Neuropsychiatric Disease and Treatment*, 12, 1525–1538. <https://doi.org/10.2147/NDT.S84585>
- Freckelton, I. (2011). Autism Spectrum Disorders and the Criminal Law. In Mohammad-Reza Mohammadi (Ed.), *A Comprehensive Book on Autism Spectrum Disorders*. United Kingdom: Intechopen.
- Freckelton, I. (2018). Forensic Issues in Autism Spectrum Disorder: Learning from Court Decisions. In *Recent Advances in Autism Spectrum Disorders - Volume II* (Vol. 2, pp. 157–173). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.5772/55400>
- Gilmour, L., Schalomon, P. M., & Smith, V. (2012). Sexuality in a community based sample of adults with autism spectrum disorder. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 6(1), 313–318. <https://doi.org/10.1016/j.rasd.2011.06.003>
- Hasliza, N. (2018). Autistik Ditangkap: Hannah Minta Henti Kecam Mangsa, Suspek. Retrieved September 19, 2018, from Free Malaysia Today (FMT News) website: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/09/19/autistik-ditangkap-%0Ahannah-minta-henti-kecam-mangsa-suspek/>
- Heeramun, R., Magnusson, C., Gumpert, C. H., Granath, S., Lundberg, M., Dalman, C., & Rai, D. (2017). Autism and convictions for violent crimes: population-based cohort study in Sweden. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 56(6), 491–497.

- Hellemans, H., Colson, K., Verbraeken, C., Vermeiren, R., & Deboutte, D. (2007). Sexual behavior in high-functioning male adolescents and young adults with Autism Spectrum Disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 37(2), 260–269. <https://doi.org/10.1007/s10803-006-0159-1>
- Lerner, M. D., Haque, O. S., Northrup, E. C., Lawer, L., & Bursztajn, H. J. (2012). Emerging perspectives on adolescents and young adults with high-functioning autism spectrum disorders, violence, and criminal law. *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law*, 40(2), 177–190.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman, & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: kajian terhadap remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(2), 94–109.
- Mladenovska, B., & Trajkovski, V. (2010). Opinions and Attitudes of Parents and Students for Sexual Development, Sexual Behavior and Gender Identity of Persons with Autism in the Republic of Macedonia. *Journal of Special Education and Rehabilitation*, 11(1), 7–24.
- Myers, S. M., Plauche, C., Disabilities, W., & Care, P. (2007). Management of Children With Autism Spectrum Disorders. *Pediatrics*, 120(5), 1162–1182. <https://doi.org/10.1542/peds.2007-2362>
- News Strait Time. (2018). Masturbating on Singapore Train in Viral Video Autistic, Family Says. Retrieved September 22, 2018, from News Straits Time website: <https://www.nst.com.my/world/2018/09/413755/youth-masturbating-singapore-train-%0Aviral-video-autistic-family-says>
- Nichols, S., & Blakeley-Smith, A. (2009). “I’m not sure we’re ready for this...”: Working with families toward facilitating healthy sexuality for individuals with autism spectrum disorders. *Social Work in Mental Health*, 8(1), 72–91.
- Nor Azizah Mokhtar. (2018). Penahanan pemuda Autisme cabul gadis ikut SOP - Polis. Retrieved August 8, 2018, from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/474483/penahanan-pemuda-autisme-%0Acabul-gadis-ikut-sop-polis>
- Otero-López, J. M., Castro, C., Villardefrancos, E., & Santiago, M. J. (2009). Job dissatisfaction and burnout in secondary school teachers: student’s disruptive behaviour and conflict management examined. *European Journal of Education and Psychology*, 2(2), 99–111.
- Polis Diraja Malaysia. (2019). Roadshow Autisme: Garis Panduan PDRM Dilancarkan. Retrieved August 20, 2019, from <https://www.facebook.com/PolisDirajaMalaysia/posts/2585986738078284>
- Rudy, L. J. (2019). What are the different types of autism? Many different autisms; one autism spectrum? Retrieved from Very Well Health website: <https://www.verywellhealth.com/what-are-the-different-types-of-autism-260611>
- Wedmore, H. V, Murphy, M. J., Brotherson, M. J., & Luze, G. (2011). *Autism Spectrum Disorders and Romantic Intimacy* (Master Thesis, Iowa State University). <https://doi.org/https://doi.org/10.31274/etd-180810-2123>
- Zaaini Zin. (2018). Kaji Semula SOP Penahanan Suspek Autistik. Retrieved August 8, 2018, from Utusan Online website: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kaji-semula-sop-penahanan-suspek-autistik-1.749312>
- Zuliza Kusrin, Al-Adib Samuri, Manisah Ali, Wafaa’ Yusof, & Mohd Syakir. (2019). Individu autisme dan perlakuan melanggar undang-undang (security issues in the computerized land registration system in Malaysia : An overview). *Jurnal Undang- Undang Malaysia*, 31(2), 219–237.
- Zuraini Yaakob, & Zuliza Mohd Kusrin. (2019). *Remaja Autisme dan Perilaku Seksual*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Zuraini Yaakub, & Zuliza Kusrin. (2015). Amalan Intervensi terhadap Perilaku Seksual Remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) Menurut Syarak. *Islamiyyat*, 37(2), 163–172.